

**KERTAS CADANGAN
PROGRAM BAJU KURUNG VS BAJU MELAYU
TAHUN 2023**

PENGETUA
SMK Wangsa Melawati

1. TAJUK : BAJU KURUNG VS BAJU MELAYU (Kerjasama Unit Bimbingan dan Kaunseling, Unit Disiplin, Panitia Pendidikan Islam SMK Wangsa Melawati dan Ikatan Pengamal Perubatan Malaysia (I-Medik)

2. PENGENALAN / LATAR BELAKANG PROGRAM

Remaja merupakan aset penting bagi sesebuah negara dalam menjamin pembangunan dan memimpin negara pada masa akan datang. Fasa remaja merupakan peringkat paling terpenting bagi seseorang untuk diberi perhatian kerana ketika fasa ini kebanyakan remaja akan melalui masa yang penuh kekeliruan, kesedihan dan konflik. Pada peringkat ini, remaja mula mencari-cari identiti dan membina jati diri. Selain itu, fasa perubahan emosi, psikologi dan pertumbuhan remaja akan seiring dengan perasaan ingin tahu yang tinggi termasuklah salah satunya berkaitan dengan seksualiti dan hubungan antara berlawanan jantina.

Oleh itu, peranan dari semua pihak amat penting dalam memberi sepenuh perhatian terhadap perkembangan dan perubahan remaja ini supaya dapat mencegah remaja daripada memperoleh informasi dan bimbingan dari sumber-sumber atau individu yang salah dan keliru, seterusnya tersasar ke arah jalan yang salah.

3. OBJEKTIF PROGRAM

Mewujudkan kesedaran penjagaan maruah dan kehormatan diri dalam kalangan remaja.

- 3.1 Membimbing perasaan fitrah cinta remaja ke arah yang sepatutnya.
- 3.2 Mempromosikan skuad Al-Fateh dan Zahra' yang memfokuskan jati diri islam dan maruah remaja.
- 3.3 Memupuk nilai-nilai ketimuran dan adab-adab sopan dalam hubungan antara lelaki dan perempuan.

4. KUMPULAN SASAR – Lampirkan senarai kehadiran murid (peserta program) selepas program dilaksanakan.

- 4.1 Semua murid perempuan Tingkatan 1 hingga 5
- 4.2 Semua murid lelaki Tingkatan 1 hingga 5

5. BUTIRAN PELAKSANAAN PROGRAM

Tarikh : 6.11.2023

Masa : 10.00 pagi – 2.00 tengahari

**Tempat : Dewan Wangsa Bestari SMK Wangsa Melawati (Murid Perempuan)
Dewan Terbuka SMK Wangsa Melawati (Murid Lelaki)**

TENTATIF PROGRAM

MASA	AKTIVITI
10.00 pagi	- Semua murid perempuan berkumpul di Dewan Wangsa Bestari - Semua murid lelaki berkumpul di Dewan Terbuka
10.05 pagi	- Ucapan alu-aluan pengerusi majlis
10.10 pagi	Slot 1 – Modul ReProAlert (Pendidikan Seksualiti dan Kesihatan Reproduksi) Murid lelaki – Dr. Nuaim bin Nasir (I-Medik) Murid Perempuan – Dr. Farah Inani (I-Medik)
11.30 pagi	Pop Kuiz Modul ReProAlert
12.00 tengahari	Slot 2 – Bila Sudah Rasa Cinta (<i>crush, couple, bahaya aplikasi tinder/omichat dan valentine's day</i>)
1.00 tengahari	Slot 3 – Latihan Dalam Kumpulan bersama Fasilitator GT Clan
2.00 tengahari	Majlis bersurai dan Solat Zuhur berjemaah

6. JAWATANKUASA KERJA

6.1 JAWATANKUASA PENGELOLA

Pengerusi:	Dr. Ts Ahmad bin Zainal (Pengetua)
Naib Pengerusi	Puan Nor Salyza bt Shaari (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid)
	Cik Hajah Nor Ashikin binti Haji Yusof (Penolong Kanan Pentadbiran)
	Datin Wan Nor'aisyah binti Wan Hamzah (Penolong Kanan Kokurikulum)
Penyelaras :	Nur Zalina binti Mohd Lazim (Guru Bimbingan & Kaunseling)

6.2

JAWATANKUASA PELAKSANA

JK/TUGAS	BIDANG TUGAS
SISTEM SIARAYA & TEKNIKAL 1. MOHD FAREED BIN MD UYOP 2. MURID QM	<ul style="list-style-type: none"> - Penyediaan alatan pembesar suara sepanjang program diadakan. - Memastikan peralatan sistem siaraya dan teknikal (lap top) berfungsi. - Memastikan siaraya dan teknikal (lap top) diselaraskan dengan baik agar Majlis Penutup berjalan lancar.
JURUGAMBAR 1. PN. NUR AZIMAH BT SHAARI 2. AJK FOTOGRAFI	<ul style="list-style-type: none"> - Mengambil gambar sepanjang program sehingga program selesai. - Menyerahkan gambar kepada ajk dokumentasi selepas program selesai

<p>PENGURUS PROGRAM</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. EN. MOHD AMIR BIN AZAMI (Murid Lelaki) 2. PN. NUR ZALINA BINTI MOHD LAZIM (Murid Perempuan) 	<ul style="list-style-type: none"> - Memastikan keadaan majlis berjalan lancar, mengikut protokol dan aturcara majlis.
<p>KAWALAN DISIPLIN MURID</p> <p>MURID LELAKI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. EN. VEKRAM NAIDU A/L RAJA GOPAL 2. EN. OMARMUCHTAR BIN ZUBAIDI 3. EN. AMINUDDIN BIN TAHAR <p>MURID PEREMPUAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PN. ZAIHIYAH BINTI RAFIE 2. PN. ZAHARAH BINTI AZEMI 3. PN. ROSLINI BINTI MOHAMMAD 	<ul style="list-style-type: none"> - Mengawal disiplin murid sepanjang program berlangsung.
<p>DOKUMENTASI & PENILAIAN PROGRAM</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PN. SAMSIYAH BINTI SAWAI 2. SITI FARRAH SOFEA BT MOHAMMAD SOFFI 	<ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan dokumentasi dan laporan program selepas program berlangsung. - Menyediakan dokumentasi penuh sebanyak 2 salinan untuk simpanan. - Menyediakan laporan ringkas - Mengumpul maklumat dan bahagian dari semua AJK Bahagian. - Menyerahkan laporan kepada penyelarasan selepas 2 minggu program berakhir. - Menyediakan penilaian program dalam bentuk google form.
<p>JEMPUTAN PENCERAMAH/LDK</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PN. NUR ZALINA BINTI MOHD LAZIM 	<ul style="list-style-type: none"> - Menguruskan jemputan penceramah untuk slot harian dan LDK

<p>MAKANAN/MINUMAN</p> <p>1. PN. FADZERIAN FANSARA BINTI FAUZI</p> <p>2. PN. HOR LAI HENG</p>	<p>- Memastikan kebersihan makanan dan tempat makan penceramah.</p>
--	---

7. IMPLIKASI KEWANGAN

7.1 Sumber Kewangan – Sumbangan PIBG

7.2 Anggaran Perbelanjaan

BIL	PERKARA	HARGA (RM)	KUANTITI	JUMLAH
1.	Bayaran penceramah (Modul ReproAlert - Kesihatan Seksualiti dan Reproduksi)	RM 1,500.00	2 orang penceramah dan 30 orang fasilitator (15 fasilitator murid perempuan) (15 fasilitator murid lelaki)	RM 1,500.00
	JUMLAH			RM 1,500.00

7.3 Sumber Kewangan

BIL	PERKARA	KUANTITI	JUMLAH (RM)
1.	Sumbangan PIBG		1,500.00
	JUMLAH KESELURUHAN		RM 1,500.00

8. **ULASAN JPN / PPD** (sekiranya perlu)

9. PENUTUP

Diharapkan program ini dapat merealisasikan objektif dengan jayanya, sekaligus melalui program 'Baju Kurung bertemu Baju Melayu' ini dapat memberi pendedahan dan bimbingan kepada remaja dalam menjaga maruah, kehormatan dan pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Disediakan Oleh:	Disemak oleh:
.....
Nama: NUR ZALINA BINTI MOHD LAZIM Jawatan: PENYELARAS PROGRAM Nama Sekolah: SMK WANGSA MELAWATI Tarikh: 01.11.2023	Nama: NOR SALYZA BT SHAARI Jawatan: PENOLONG KANAN HAL EHWAL MURID Nama Sekolah: SMK WANGSA MELAWATI Tarikh: 01.11.2023

**KERTAS CADANGAN
PROGRAM BAJU KURUNG VS BAJU MELAYU
TAHUN 2023**

(Kerjasama Unit Bimbingan dan Kaunseling, Unit Disiplin, Panitia Pendidikan Islam SMK Wangsa Melawati dan Ikatan pengamal Perubatan Malaysia (I-Medik)

KEPUTUSAN PENGURUS SEKOLAH

Meluluskan Kertas Cadangan

Atau

Tidak meluluskan Kertas Cadangan [PROGRAM BAJU KURUNG VS BAJU MELAYU]

Ulasan:

.....
.....
.....
.....
.....

**NOR ASHIKIN BINTI YUSOF
PENOLONG KANAN TENTADBIRAN
B/P PENGETUA
SMK WANGSA MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR**